**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 7 Jan 2021 (Khamis)

**Berita Harian**
Azmin ikrar galas amanah, perkukuh PN Selangor 1
1,000 pelajar MSU sertai Shah Alam Heritage Walk 2
JAIS benar masjid, surau solat Jumaat 3

**Utusan Malaysia**
Sultan Selangor dukacita 4
Bila Melayu nak pandai bersatu? 5
Tiada PN di Selangor - Noh 6

**Harian Metro**
Kelonggaran masjid, surau di Selangor 7
24,831 mangsa bah dipindah 8

**Kosmo**
Jalan rosak, berlubang bawa 'bencana' 9
Sultan Sharafuddin dukacita dakwaan masjid, surau tutup 10

**Sinar Harian**
JAIS nafi semua masjid surau di Selangor ditutup 11
Penjaja ditempatkan secara sistematik, berpusat 12

**Selangor TV**
Bual Bicara: Terbelakah Nasib Pengusaha Pelancongan? 13
JAIS Benarkan Semula Solat Di Seluruh Selangor, Ikut SOP 14
Saringan Covid-19 Bersasar Percuma Di Seksyen 25, Shah Alam 15
Saringan Percuma Di Taman Sri Muda, Shah Alam, Bermula Esok 16
Selangor Longgar Syarat Solat Jemaah Di Masjid Dan Surau Ikut SOP 17

**The Star**
COUNCIL MATTERS 18
Highway project raises serious concerns, says PJ MP 19

**New Straits Times**
Jais allows Friday, obligatory prayers for stipulated congregation 20

**The Malaysian Reserve**
Some areas in Selangor to face water disruptions next week 21

**Nanyang Siang Pau**
Hawkers call foul over pasars ban on foreign labourers; Neighbouring commercial area's "foreign labourer bosses" are not dealt with 22

**Guang Ming Daily**
64 players from Malaysia badminton team tested negative, Lee Hup Wei diagnosed with covid-19 23
Heavy rain continues to hit 25,000 people on the east coast 24

**Kwong Wah Yit Poh**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

The Law Society: Road pits cause accidents, Citizens can claim compensation within 3 years 25

**Makkal Osai**
Water disruption in Sungai Besar 26

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>7 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Azmin ikrar galas amanah, perkukuh PN Selangor |
| Muka Surat | : | 16 |

# Azmin ikrar galas amanah, perkukuh PN Selangor

## Hargai keyakinan Pengerusi PN, tekad gembleng perpaduan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my


Nasional
14 Pengerusi BPN PN dilantik
Usul tolak kerjasama dengan BERSATU dibawa ke PAU

*Keratan akhbar BH, semalam.*

**Kuala Lumpur:** Ketua Penerangan Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Negeri (BPN) PN Selangor berikrar menggalas amanah dan memperkukuhkan kekuatan PN di negeri itu.

Mohamed Azmin berkata, pelantikan itu akan dimanfaatkan sebaiknya bagi menumpukan usaha menjamin keselamatan rakyat dan mencerdaskan ekonomi negara.

"Saya berterima kasih di atas keyakinan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Pengerusi Perikatan Nasional dan Pimpinan Tertinggi Perikatan Nasional dengan pelantikan saya untuk menerajui PN Selangor.

"Menginsafi bahawa cabaran hari ini menuntut sebuah kerajaan yang stabil, PN Selangor tekad untuk mendakap aspirasi rakyat," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohamed Azmin yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, PN Selangor akan terus menggembleng perpaduan dan kesatuan rakyat untuk bersama-sama dalam usaha pembangunan dan kemajuan negara.

"Sebagai sebuah gabungan kerjasama politik, PN mahu menganjurkan perjuangan murni, luhur dan ikhlas demi mengangkat martabat rakyat dan negara.

"Maka, saya menyeru seluruh komponen, pimpinan dan aktivis akar umbi PN khususnya di Selangor untuk segera menggalang satu kekuatan dan sinergi baru yang segar dan utuh demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara," katanya.

Kelmarin, Setiausaha Agung PN, Datuk Seri Hamzah Zainudin dalam kenyataan di Facebook beliau, memaklumkan seramai 14 Pengerusi BPN PN dilantik termasuk Perdana Menteri selaku Pengerusi BPN Johor.



*Saya menyeru seluruh komponen, pimpinan dan aktivis akar umbi PN khususnya di Selangor untuk segera menggalang satu kekuatan dan sinergi baru yang segar dan utuh demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.*

**Mohamed Azmin Ali,**
*Ketua Penerangan PN*

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR 7 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 1,000 pelajar MSU sertai Shah Alam Heritage Walk |
| Muka Surat | : | 20 |

# 1,000 pelajar MSU sertai Shah Alam Heritage Walk

**Shah Alam:** Kira-kira 1,000 pelajar Management and Science University (MSU) di sini, menyertai *Shah Alam Heritage Walk: Virtual Edition 2021* membabitkan 17 mercu tanda sekitar bandar raya ini sejak Sabtu lalu hingga semalam.

Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid, berkata program dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Tourism Selangor itu bertujuan menerapkan kesedaran budaya sambil mempromosikan keunikan 17 mercu tanda terbabit.

"Kira-kira 1,000 pelajar Sekolah Hospitaliti dan Seni Kreatif (SHCA) menyertai program ini melalui pelbagai saluran termasuk YouTube, aplikasi Zoom serta berada di Teater Seni Persembahan universiti ini yang menjadi hentian terakhir.

"Program ini kali pertama diadakan dalam normal baharu iaitu secara maya, berbanding sebelum ini diadakan secara fizikal disebabkan penularan pandemik COVID-19," katanya selepas melancarkan program itu di Kampus MSU dekat Seksyen 13 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim dan Pengurus Besar Tourism Selangor, Azrul Shah Mohamad.

Di majlis sama, SHCA menyerahkan sumbangan sebanyak RM15,000 kepada Yayasan MSU yang diterima oleh Naib Presiden Kanan Wakaf dan Komunikasi MSU, Datuk Rosli Yusof .

Mohd Shukri berkata, sepanjang program itu dijalankan, semua pelajar terbabit melalui pelbagai hentian ikonik dan menarik yang terletak dalam kawasan pentadbiran MBSA.

"Antara hentian adalah Muzium Sultan Alam Shah, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Makam Diraja Shah Alam,

"Begitu juga Perpustakaan Awam Raja Tun Uda, Bangunan Galeri Shah Alam, Teater Diraja Shah Alam, Majlis Bandaraya Shah Alam, Taman Botanikal Shah Alam serta pelbagai lagi mercu tanda ikonik di bandaraya Shah Alam," katanya.

Beliau berkata, program berbentuk bimbingan itu juga bertujuan menerapkan kemahiran pelajar dalam pembangunan diri dan mengetengahkan kepentingan sejarah kepada generasi muda mengenai sejarah warisan negara amnya dan khasnya bandaraya Shah Alam.

"Perkara yang selalu ditekankan MSU adalah setiap pelajar akan menamatkan pengajian mereka mengikut tempoh yang ditetapkan, sebab itu program ini diadakan, ia memberikan manfaat kepada pelajar.

"Keperluan akademik mereka kita ubah daripada fizikal kepada virtual. Pada masa sama, kita membangunkan karakter mereka dan mengekalkan nilai yang baik, sekali gus melahirkan graduan yang terbaik," katanya.

Dalam pada itu katanya, program seumpama itu diadakan sebelum ini membabitkan penganjuran *MSU Kuala Lumpur Heritage Walk (2018) dan Royal Klang Town Heritage Walk (2020).*

"Program sebelum ini membabitkan aktiviti berjalan kaki yang diketuai pemandu pelancong terlatih menyusuri hentian yang terdiri daripada bangunan warisan yang masih kekal strukturnya dan mempunyai nilai sejarah yang menarik," katanya.



***Mohd Shukri (tiga dari kiri) dan Haris (dua dari kanan)** bergambar bersama pelajar pada program Shah Alam Heritage Walk: Virtual Edition 2021 di MSU Shah Alam.* (Foto Muhd Asyraf Sawal/BH)

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>7 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | JAIS benar masjid, surau solat Jumaat |
| Muka Surat | : | 23 |

# JAIS benar masjid, surau solat Jumaat

## Jumlah jemaah berdasar situasi semasa COVID-19

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memberikan kelonggaran kepada masjid dan surau di negeri ini untuk melaksanakan solat Jumaat serta solat lima waktu dengan jumlah jemaah ditetapkan sejak Isnin lalu.

Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad, berkata penetapan jumlah jemaah itu dibuat berdasarkan perkembangan semasa setempat pandemik COVID-19 di negeri ini.

"Berdasarkan kelonggaran baharu, 500 jemaah dibenarkan untuk menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri) dan Masjid Tengku Ampuan Jemaah, manakala bagi solat lima waktu, 150 orang jemaah dibenarkan di kedua-dua masjid berkenaan.

"Seramai 300 jemaah pula dibenarkan solat Jumaat di 39 masjid pengurusan serta 17 masjid institusi di negeri ini dan 150 jemaah untuk solat lima waktu," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Bagi masjid dan surau kebenaran solat Jumaat di daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam serta Hulu Selangor, jumlah jemaah dibenarkan mengikut kapasiti ruang solat dengan penjarakan 1.5 meter manakala solat lima waktu, 40 jemaah dibenarkan (termasuk pentadbir).

Katanya, bagi masjid dan surau kebenaran solat Jumaat di daerah Klang, Petaling, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat dan Gombak, 40 jemaah termasuk pentadbir fasiliti itu dibenarkan solat Jumaat serta solat lima waktu.

Semua surau termasuk surau institusi di negeri ini dibenarkan 40 jemaah menunaikan solat lima waktu.

Mohd Shahzihan berkata, ketika perbincangannya dengan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengenai kebenaran solat itu kelmarin, baginda menzahirkan rasa dukacita apabila sesetengah pihak mendakwa masjid dan surau di negeri ini sudah ditutup.

"Baginda juga berdukacita dengan tanggapan segelintir masyarakat ketetapan dibuat sebelum ini ibarat menghalang umat Islam beribadah di masjid dan surau.

"Secara faktanya, masjid dan surau di Selangor terus dibuka secara berperingkat berdasarkan situasi semasa pandemik COVID-19. Bagaimanapun, perkara ini tidak disiarkan media kerana kebenaran berkenaan kerap berubah (mengikut situasi COVID-19 setempat)," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR** | | |
|---|---|---|
| **7 January 2021** | | |
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Sultan Selangor dukacita |
| Muka Surat | : | 6 |

## Dakwaan masjid, surau tidak dibenar adakan solat

# Sultan Selangor dukacita

**Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL**
rohaizah.zainal@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita terhadap dakwaan sesetengah pihak bahawa masjid dan surau di negeri ini ditutup sedangkan dibuka dengan diberi kelonggaran mengikut situasi Covid-19.

Sultan Sharafuddin dukacita tentang tanggapan segelintir masyarakat terhadap ketetapan yang dibuat baginda, dengan beranggapan keputusan itu menghalang umat Islam untuk beribadah di masjid dan surau.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, beliau dititahkan menghadap Sultan Sharafuddin bagi membincangkan beberapa perkara berhubung kelonggaran baharu yang diberikan kepada masjid, surau kebenaran Jumaat dan surau seluruh negeri di Istana Bukit Kayangan, semalam.

Kata beliau, baginda berkongsi rasa dukacita terhadap dakwaan tersebut sedangkan kedua-duanya diberikan kelonggaran oleh JAIS.

"Bagaimanapun, kelonggaran ini tidak disiarkan kepada media kerana kerap berubah-ubah mengikut keadaan setempat.

"Sultan Selangor bertitah agar kelonggaran yang diberikan dapat dimanfaatkan oleh ahli kariah untuk beribadah di samping memastikan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi semua jemaah," katanya dalam kenyataan di sini.



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

Menurutnya, baginda telah menyatakan sikap seperti itu dilakukan oleh individu yang hanya pandai bercakap tanpa berfikir panjang.

"Keprihatinan baginda kepada kesejahteraan dan keselamatan semua rakyat negeri ini amat tinggi dan tidak mahu masjid dan surau menjadi tempat cetusan penularan baharu yang menambah jumlah bilangan klusteri sedia ada," ujarnya.

Dalam pada itu, Mohd. Shahzihan berkata, semua masjid dan surau di Selangor diberikan kelonggaran mengadakan solat Jumaat dan fardu berkuat kuasa kelmarin.

Katanya, kebenaran itu meliputi Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Masjid Tengku Ampuan Jemaah dengan kapasiti seramai 500 jemaah bagi solat Jumaat dan 150 bagi solat fardu lima waktu.

"Bagi masjid pengurusan iaitu sebanyak 39 buah dan 17 buah masjid institusi pula masing-masing dibenarkan 300 jemaah untuk solat Jumaat dan 150 bagi fardu.

"Sementara itu, 40 jemaah termasuk pihak pentadbir dibenarkan bagi solat fardu untuk seluruh masjid dan surau di negeri ini.

"Selain itu, untuk solat Jumaat di masjid dan surau kebenaran Jumaat di Klang, Petaling, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat dan Gombak dibenarkan 40 jemaah tidak termasuk pihak pentadbiran. Sementara di Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor pula mengikut kapasiti sebenar dewan solat utama selepas penjarakan 1.5 meter," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR** | | |
|---|---|---|
| **7 January 2021** | | |
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Bila Melayu nak pandai bersatu? |
| Muka Surat | : | 14 |

# Bila Melayu nak pandai bersatu?

**BUDIMAN MOHD. ZOHDI**



DALAM satu wawancara dengan sebuah akhbar tempatan, enam tahun lalu, Allahyarham Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid (Pak Ungku) melontarkan pandangan agak keras tetapi jujur mengenai perpaduan orang Melayu. Katanya, orang Melayu seperti orang Arab, sukar untuk bersatu. Beliau menjadikan faktor sejarah dan penjajahan yang dilalui oleh orang Melayu sebagai penyebab kepada kepayahan untuk menyatukan mereka.

Saya berpendapat, penjajahan hanyalah faktor pengganda kepada kecenderungan orang Melayu untuk berpecah belah. Lama sebelum kedatangan penjajah dari Barat ke rantau sebelah sini, orang Melayu telah pun terbiasa dengan perpecahan. Sejarah kerajaan-kerajaan Melayu lama di Nusantara, dari era Hindu-Buddha hinggalah selepas kedatangan Islam, sarat dengan kisah-kisah perpecahan yang sebahagiannya membawa kepada peperangan.

Kita juga tidak menghadapi masalah dalam soal agama. Semua orang Melayu beragama Islam tidak pernah berperang kerana perselisihan. Yang ada hanyalah perpecahan kerana kuasa. Dalam bahasa mudahnya, politik.

Adalah tidak benar jika dikatakan UMNO sebagai punca terjadinya pecah-belah itu. Ia juga bukan disebabkan oleh Pas, PKR atau Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

Dalam UMNO, perpecahan berlaku sejak awal penubuhannya apabila Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang sebelum itu bergabung dengannya menarik diri pada 29 Jun 1946. Perpecahan berlaku lagi lima tahun kemudian apabila Datuk Onn Jaafar membuat keputusan tidak mempertahankan jawatan Yang Dipertua UMNO pada persidangan agung 1951 selepas menyedari cadangannya untuk membuka pintu parti kepada bukan Melayu ditolak oleh akar umbi.



**ONN Jaafar (berdiri) tidak mempertahankan jawatan Yang Dipertua UMNO pada persidangan agung parti 1951 selepas menyedari cadangannya untuk membuka keahlian kepada bukan Melayu ditolak akar umbi.**

> **"Yang ada hanyalah perpecahan kerana kuasa. Dalam bahasa mudahnya, politik."**

Beberapa nama dicalonkan sebagai pengganti dan keputusan berpihak kepada Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj. Tidak lama selepas itu, pada tahun sama, Onn meninggalkan UMNO dan menubuhkan parti *Independence of Malaya Party* (IMP).

Pada tahun itu juga, Ahmad Fuad Hassan dan sekumpulan ulama UMNO menubuhkan Persatuan Islam Se-Malaya. Persatuan inilah kemudiannya berkembang dan menjadi Parti Islam Se-Malaya (Pas).

Pada 1953, UMNO bergolak lagi susulan pemecatan Datuk Abdul Wahab Abdul Aziz yang merupakan salah seorang pengasas UMNO. Puncanya kerana beliau ketika itu Menteri Besar dan Ketua UMNO Perak mengetuai enam menteri besar menubuhkan *National Convention*, satu tindakan yang menyebabkan Tunku Abdul Rahman tersinggung kerana sebagai Yang Dipertua UMNO, beliau sepatutnya dimaklumkan dahulu mengenai penubuhan itu. Tetapi ada pihak berpendapat, ada lagi sebab lain. Tunku Abdul Rahman dikatakan takut pengaruh Abdul Wahab menyainginya.

**ANWAR IBRAHIM**

Pemecatan itu menyebabkan banyak ahli UMNO Perak keluar parti mengikut jejak Abdul Wahab. Pada 1964, UMNO kalut dengan pemecatan Aziz Ishak. 1969, pemecatan Dr. Mahathir Mohamad (kini Tun) dan Musa Hitam (kini Tun). 1978, Sulaiman Palestin menawarkan diri bertanding kerusi presiden mencabar Datuk Seri Hussein Onn (kemudiannya Tun). Demikianlah parti Melayu terbesar itu, tidak pernah berpeluang tenteram untuk tempoh lama.

Kemuncak kalut-malut itu adalah pada 1987 apabila *team A* diketuai Dr. Mahathir bertembung *team B* diterajui Tengku Razaleigh Hamzah. Ia membawa kepada perpecahan besar dengan Tengku Razaleigh menubuhkan parti baharu, Semangat 46.

11 tahun selepas itu, satu lagi perpecahan besar terjadi susulan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan lahir pula Parti Keadilan Nasional, yang kemudian dijenamakan menjadi PKR.

Pas juga tidak sunyi dengan pergolakan. Pada pilihan raya umum 1959, parti itu berjaya membentuk kerajaan di Terengganu. Tetapi dua tahun kemudian tumbang apabila berlaku lompat melompat, yang akhirnya membolehkan Perikatan membentuk kerajaan. Perpecahan berlaku lagi menjelang pilihan raya 1977 ketika Pas berada dalam Barisan Nasional (BN). Pergeseran antara kumpulan pro Yang Dipertua Pas, Datuk Asri Muda (kemudiannya Tan Sri) dengan kumpulan pro Menteri Besar Kelantan, Datuk Muhamed Nasir yang mesra UMNO membawa kepada penyingkiran menteri besar itu dari parti. Muhamed Nasir kemudiannya menubuhkan Berjasa, yang mengambil alih peranan Pas dalam BN.

Untuk tempoh lima tahun selepas itu, Pas tidak pernah tenang dalam erti kata sebenar. Golongan ulama diketuai Yusuf Rawa mula bergerak untuk menguasai parti itu. Perpecahan terburuk Pas berlaku menjelang 2015 apabila Majlis Syura mengesahkan hubungan kerjasama politik dengan DAP dibatalkan. Tindakan itu secara langsung 'meruntuhkan' Pakatan Rakyat (PR) dianggotai Pas, DAP dan PKR. Ia juga menyebabkan Pas berpecah kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan ulama dan kumpulan progresif.

Pemilihan dalam Muktamar Pas ke-61 pada Jun 2015 menyaksikan kumpulan progresif diketuai Mohamad Sabu (Mat Sabu) kalah teruk. Susulan kekalahan itulah, kumpulan yang pro PR mengambil langkah menubuhkan Parti Amanah Negara (Amanah).

PKR juga tidak terkecuali daripada politik pecah-belah. Sejak penubuhannya, PKR kehilangan banyak nama besar yang pernah menjadi tulang belakang. Dr. Chandra Muzaffar, Marina Yusuff, Annuar Tahir, Anuar Shaari, Ezam Mohd. Noor, Ruslan Kassim, Zainur Zakaria, Datuk S. Nallakarupan dan Datuk Dr. Jeffrey Kitingan. Terkini, Timbalan Presidennya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan 10 ahli Parlimen PKR.

Badi perpecahan turut hinggap pada Bersatu. Pada usia baru tiga tahun lebih sedikit ia berkocak, bergelora dan akhirnya terbelah dua, menjadi Bersatu asal dan Bersatu serpihan yang sekarang dalam usaha menubuhkan Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang). Tidak diketahui sampai bila kita akan terus 'terpaksa' melihat, membaca dan mendengar kisah-kisah perpecahan dalam kalangan orang Melayu.

Kata Pak Ungku dalam wawancara sama, sehingga mereka (orang Melayu) bertambah pandai. Soalnya bilakah kita akan 'pandai'? Bilakah? Masa, waktu dan niat suci akan menentukannya.

Datuk Budiman Mohd. Zohdi ialah Setiausaha Politik Menteri Wilayah Persekutuan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR** | | |
|---|---|---|
| **7 January 2021** | | |
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Tiada PN di Selangor - Noh |
| Muka Surat | : | 16 |

# Tiada PN di Selangor – Noh

### MUKADIMAH

TITIK persefahaman antara UMNO dan Pas bermula pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis. Ketika itu, Pas memberi laluan kepada UMNO untuk bertanding dan kerjasama itu berterusan di PRK DUN Seri Setia dan DUN Semenyih.

Kerjasama antara dua parti besar itu turut kelihatan apabila Muafakat Nasional (MN) dimeterai pada 14 September tahun lalu.

Malah, semangat MN di Selangor semakin erat apabila pembahagian kerusi antara kedua-dua parti selesai dibincangkan tanpa melibatkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu). Malah, UMNO memberi kata dua kepada Bersatu Selangor agar menghormati kerusi tradisi mereka dengan tidak meletakkan calon.

Bagaimanapun, Bersatu Selangor memberi bayangan akan terus bertanding di kawasan ditandingi UMNO atas alasan tidak perlu memberi ruang kepada parti yang kalah bertanding pada pilihan raya umum lalu.

Ikuti temu bual wartawan *Utusan Malaysia*, **SITI ROHAIZAH ZAINAL** bersama Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, **TAN SRI NOH OMAR** berhubung kemelut tersebut, baru-baru ini.

**UTUSAN: Bersatu tidak benarkan UMNO bertanding di kerusi yang pernah kalah. Komen?**

**NOH:** UMNO kalah di beberapa kawasan tetapi bangkit semula selepas adanya kerjasama dengan Pas menerusi MN. Sebagai contoh, di PRK DUN Semenyih, Bersatu ketika itu masih bersama Pakatan Harapan (PH) tetapi kalah. Oleh demikian, sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan, lihat dahulu pada fakta kerana kalah bukan semestinya tidak boleh bertanding.

**Jika Bersatu mahu bertanding di kawasan UMNO?**

Terpulang kepada mereka tetapi kita telah mengadakan perbincangan dengan Pas dan setakat ini tidak melibatkan Bersatu. Sekiranya mereka tekad untuk meletakkan calon di kawasan UMNO, kita akan lawan mereka. Sebagai contoh, di Sabak Bernam. Ahli Parlimennya, Datuk Mohamad Fasiah Mohd. Fakeh telah keluar UMNO dan bersama Bersatu. Kawasan itu merupakan kerusi tradisi UMNO dan kita akan letakkan calon.

**Wajar UMNO beri ruang kepada Bersatu?**

Kerjasama dengan Pas ialah memperjuangkan Islam dan hak orang Melayu serta bumiputera seperti yang termaktub dalam Perlembagaan tetapi pada masa sama tidak menafikan kepelbagaian kaum dan agama lain demi kesejahteraan negara. Bagaimanapun, apabila bercakap soal Melayu, tidak adil jika UMNO sahaja perlu berkorban. Semua ini perlu kerjasama semua parti sama ada UMNO, Pas mahupun Bersatu.

**Bagaimana pembahagian kerusi di Selangor?**

Setakat ini, pembahagian kerusi melibatkan dua proses iaitu peringkat negeri dan pusat. Di peringkat negeri, pembahagian kerusi boleh dianggap selesai dan kita telah pun berbincang dengan Pas untuk tidak bertembung sesama sendiri. Namun, sekiranya Bersatu ingin bertanding, mereka perlu bertanding di kawasan yang tidak ada UMNO dan Pas. Jika tidak, kita akan melawannya tetapi bagi Pas, terpulang kepada mereka. Buat masa ini, perbincangan hanya berkaitan MN, tiada istilah PN di Selangor.

ILUSTRASI SHAH HASAN




**Bagaimana parti komponen lain?**

Perbincangan kerusi juga menitik beratkan komponen lain kerana ada UMNO, ada Barisan Nasional (BN) yang terdapat parti lain. Oleh demikian, perbincangan juga melihat kepada faktor tersebut. Parti-parti lain juga mempunyai pengaruh tersendiri dan mereka mewakili kaum-kaum lain.

**Apa prinsip MN di Selangor?**

Prinsip UMNO untuk memastikan tiada pertandingan tiga penjuru di Selangor. Kita tidak menghalang Bersatu untuk bertanding dan sewajarnya jika ketiga-tiga parti ini dapat bekerjasama, itu lebih baik. Namun, Bersatu perlu bertanding di kawasan yang mereka menang sahaja dan tiada isu berhubung UMNO perlu beri peluang atau sebaliknya.

**Kewujudan Perikatan Nasional (PN)?**

MN dan PN adalah dua perkara berasingan. PN adalah kerjasama antara ahli Parlimen manakala MN persetujuan antara dua parti dan dihadiri oleh kedua-duanya. Apabila kerajaan dibubarkan, maka PN juga akan terbubar dengan sendiri tetapi MN akan terus kekal dengan kerjasama yang telah termaktub.

> **"Apabila bercakap soal Melayu, tidak adil jika UMNO sahaja perlu berkorban. Semua ini perlu kerjasama semua parti sama ada UMNO, Pas mahupun Bersatu."**

**Sekiranya Bersatu mahu berbincang?**

Kita tidak mempunyai masalah sekiranya mereka hendak mengadakan perbincangan tetapi setakat ini tiada. Bagaimanapun, semuanya terpulang kepada pucuk pimpinan untuk memutuskan segalanya kerana di peringkat negeri, kita telah selesai.

**Sekiranya Pas bekerjasama dengan Bersatu?**

Terserah kepada Pas untuk berbincang dengan sesiapa pun dan UMNO tidak akan terasa hati. UMNO mengamalkan prinsip yang mudah, iaitu terus memperkukuhkan kerjasama dan di mana ada UMNO, akan ada Pas. Begitu juga sebaliknya.

**Apa jadi jika MN tidak dapat didaftarkan?**

Kita serahkan perkara itu kepada pucuk pimpinan tetapi di peringkat negeri, kerjasama tersebut akan diteruskan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 7 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Kelonggaran masjid, surau di Selangor |
| Muka Surat | : | 3 |

# Kelonggaran masjid, surau di Selangor

**Shah Alam:** Selepas sekian lama ditutup, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) akhirnya memberikan kelonggaran kepada masjid dan surau di negeri ini untuk melaksanakan solat Jumaat serta solat lima waktu dengan jumlah jemaah ditetapkan sejak Isnin lalu.

Pengarah Jais, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, penetapan jumlah jemaah itu dibuat berdasarkan perkembangan semasa setempat pandemik Covid-19 di negeri ini.

"Berdasarkan kelonggaran baharu, 500 jemaah dibenarkan untuk menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri) dan Masjid Tengku Ampuan Jemaah manakala bagi solat lima waktu, 150 orang jemaah dibenarkan di kedua-dua masjid berkenaan.

"Seramai 300 jemaah pula dibenarkan solat Jumaat di 39 masjid pengurusan serta 17 masjid institusi di negeri ini dan 150 jemaah untuk solat lima waktu," katanya.

Beliau berkata, bagi masjid dan surau kebenaran solat Jumaat di daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam serta Hulu Selangor, jumlah jemaah yang dibenarkan adalah mengikut kapasiti ruang solat dengan penjarakan 1.5 meter manakala untuk solat lima waktu, sebanyak 40 jemaah dibenarkan (termasuk pentadbir).

Katanya, bagi masjid dan surau kebenaran solat Jumaat di daerah Klang, Petaling, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat dan Gombak, hanya 40 jemaah termasuk pentadbir fasiliti itu dibenarkan untuk solat Jumaat serta solat lima waktu.

Jelasnya, semua surau termasuk surau institusi di seluruh negeri ini pula dibenarkan 40 jemaah menunaikan solat lima waktu.

Dalam pada itu, Mohd Shahzihan berkata, semasa perbincangannya dengan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengenai kebenaran solat itu kelmarin, baginda menzahirkan rasa dukacita apabila sesetengah pihak mendakwa masjid dan surau di negeri ini sudah ditutup.

"Baginda juga berdukacita dengan tanggapan segelintir masyarakat bahawa ketetapan dibuat sebelum ini ibarat menghalang umat Islam beribadah di masjid dan surau.

"Secara faktanya, masjid dan surau di Selangor terus dibuka secara berperingkat berdasarkan situasi semasa pandemik Covid-19. Bagaimanapun, perkara ini tidak disiarkan oleh media kerana kebenaran berkenaan kerap berubah (mengikut situasi Covid-19 setempat).

"Oleh itu, baginda mahu kebenaran baharu solat ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh ahli kariah dengan mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan supaya masjid dan surau tidak menjadi tempat penularan Covid-19," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**7 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | 24,831 mangsa bah dipindah |
| Muka Surat | : | 7 |

Kuala Lumpur

# 24,831 mangsa bah dipindah

***Banjir di pantai timur bertambah buruk, Perak dan Johor menurun, Selangor pulih sepenuhnya***

Keadaan banjir di pantai timur bertambah buruk pada petang semalam, berikutan hujan lebat dan peningkatan paras air sungai, sekali gus menyaksikan peningkatan jumlah mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di negeri-negeri berkenaan.

Di **KELANTAN**, situasi banjir semakin memburuk membabitkan lima jajahan dengan jumlah mangsa dipindahkan ke PPS seramai 2,142 orang daripada 567 keluarga setakat petang ini, berbanding 125 mangsa pada pagi.

Menurut aplikasi Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jajahan Jeli mencatat jumlah penduduk yang terjejas teruk dengan seramai 1,060 keluarga daripada 296 keluarga ditempatkan di 10 PPS.

Di Kuala Krai, 18 PPS diaktifkan bagi menempatkan 643 mangsa daripada 144 keluarga; Tanah Merah (352 mangsa daripada 98 keluarga di 11 PPS); Gua Musang (54 mangsa daripada 13 keluarga di empat PPS) dan di Pasir Mas membabitkan 33 mangsa daripada 16 keluarga dipindahkan ke dua PPS.

Dalam pada itu, menurut infobanjir.water.gov.my, setakat petang semalam, enam sungai di negeri ini merekodkan bacaan melepasi paras bahaya (PB) iaitu Sungai Galas di Limau Kasturi, Gua Musang 60.13 meter (m) (PB 59.00m); Sungai Lebir di Tualang, Kuala Krai 35.58m (PB 35.00m); Sungai Kelantan di Kuala Krai 26.65 m (PB 25.00m); Sungai Kelantan di Kusial, Tanah Merah 16.70 m (PB 16.00m); Sungai Golok di Jenob 24.24 (PB 23.50m) dan Sungai Galas di Dabong 39.26m (PB 38.00m).

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengeluarkan amaran dijangka berlaku banjir di jajahan Kuala Krai mulai jam 12 tengah hari semalam, membabitkan lembangan Sungai Galas iaitu di kawasan Pekan Dabong, Pengkalan Bot Kampung Bahagia dan kawasan sekitarnya.

Banjir juga diramal berlaku membabitkan Sungai Nal, Sungai Durian dan Sungai Pahi di kawasan Kampung Bedal; Kampung Sireh; Taman Warisan; Kampung Kuala Pertang; Kampung Ngagoh; Kampung Pahi dan Kampung Aur Duri; Kampung Guchil; Kampung Jirat; Kampung Gatal; Kampung Batu Mengkebang; Kampung Keroh; Kampung Batu Jong dan kawasan sekitarnya.

Di Gua Musang, banjir diramal berlaku di Kampung Limau Kasturi dan kawasan sekitarnya.

Situasi sama turut berlaku di **TERENGGANU** dan Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman memaklumkan jumlah mangsa terus meningkat kepada 910 orang setakat jam 3 petang semalam berbanding 267 orang pada jam 8 pagi.

"Hulu Terengganu daerah terbaharu dilanda banjir susulan hujan lebat berterusan menyebabkan satu PPS dibuka di daerah itu untuk 30 mangsa manakala di Kemaman, mangsa terus meningkat kepada 657 orang di tujuh PPS dan di Dungun, mangsa ialah 223 orang di dua PPS. Ketika ini proses pemindahan penduduk masih berjalan di semua daerah tersebut," katanya.

Di **PAHANG**, mangsa banjir di sembilan daerah di negeri ini meningkat kepada 21,779 orang pada sebelah petang berbanding 18,976 orang pada pagi.

Portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaporkan setakat jam 3 petang, Daerah Maran mencatat jumlah mangsa tertinggi seramai 5,431 orang diikuti Temerloh (3,647), Kuantan (3,456), Lipis (2,551), Jerantut (2,393), Raub (2,338), Rompin (1,012), Pekan (499) dan Bera (452).

Portal berkenaan turut melaporkan paras air di Sungai Pahang di Daerah Bera, Maran, Kuantan, Lipis, Jerantut, Temerloh sudah melepasi tahap bahaya.

Sementara itu, pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) ANIH Berhad dalam laman Twitternya memaklumkan laluan di KM113 dan KM115 di Lanchang masih ditutup di kedua-dua hala susulan kenaikan air. Turut ditutup laluan di KM84 membabitkan penutupan antara persimpangan Karak dan Temerloh menghala Kuantan.

Namun, di **PERAK**, jumlah mangsa banjir membabitkan tiga daerah menurun kepada 493 orang daripada 144 keluarga berbanding 520 orang daripada 152 keluarga di enam PPS setakat jam 2 petang.

Menurut jurucakap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri, Daerah Hilir Perak menempatkan paling ramai mangsa banjir ketika ini iaitu 464 orang di empat PPS, Muallim (empat orang) dan Kampar (25 orang), dengan masing-masing di sebuah PPS.

"PPS Dewan Bandaran Gopeng di Kampar ditutup sepenuhnya pada 9.30 pagi tadi (semalam) selepas kediaman mangsa banjir di Kampung Singh surut dan selamat diduduki," katanya.

Menurut infobanjir.water.gov.my, Sungai Plus di Kampung Lintang, Kuala Kangsar mencecah paras bahaya iaitu 54.93m dan sungai di Kuala Kenderong, Hulu Perak pula melebihi paras amaran iaitu 112.12m.

Di **SELANGOR**, situasi banjir pulih sepenuhnya apabila kedua-dua PPS yang dibuka sebelum ini, ditutup.

Pegawai Operasi Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN) Muhammad Izzat Haziq Mohd Nazir berkata, PPS yang ditutup itu adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Rantau Panjang, Kuala Selangor dan Balai Raya Kampung Alah Batu, Hulu Bernam.

Di **JOHOR**, cuaca yang semakin baik membolehkan lapan PPS ditutup sekali gus menyaksikan hanya 26 PPS masih beroperasi di enam daerah yang terjejas akibat bencana itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyananthan berkata, berikutan perkembangan terbaharu itu, jumlah mangsa banjir turut menurun kepada 3,182 mangsa daripada 807 keluarga setakat jam 4 petang, berbanding 3,566 orang daripada 903 keluarga pada 8 pagi.

Beliau berkata, penutupan PPS berkenaan melibatkan SK Sungai Linau, Simpang Renggam dan Dewan Ithnin Maarof (Kluang); SK Bukit Lintang, SK Gembut dan SK Tun Dr Syed Nasir (Kota Tinggi); SK Sri Bulan (Batu Pahat); SK Sawah Datuk (Mersing) dan Balai Raya Kampung Jabi (Segamat).

Katanya, Kota Tinggi masih menjadi daerah paling tinggi merekodkan mangsa banjir seramai 1,793 orang daripada 451 keluarga yang ditempatkan di 14 PPS. - Bernama

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**7 January 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Jalan rosak, berlubang bawa 'bencana' |
| Muka Surat | : | 2 |



# 148 maut angkara jalan 'teruk'

**Penunggang motosikal paling ramai terbunuh di Selangor**

POLIS Selangor mendedahkan sebanyak 148 kes kemalangan maut direkodkan berpunca daripada keadaan fizikal jalan raya yang tidak sempurna termasuk jalan berlubang dan rosak sepanjang tahun 2018 hingga 2020.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Selangor, Superintendan Azman Shari'at berkata, jumlah itu direkodkan daripada 222 kes kemalangan yang berlaku di negeri itu dalam tempoh tersebut dengan pengguna motosikal paling ramai terbunuh seramai 116 orang.

▸ BERITA PENUH DI MUKA 2

JALAN raya rosak dan berlubang berisiko tinggi menyebabkan kemalangan kepada pengguna.



148 maut daripada 222 kes kemalangan di Selangor dalam tempoh tiga tahun

